



## KENYATAAN MEDIA

### **MAJLIS PERASMIAN IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI MELAKA YANG DISEMPURNAKAN OLEH TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA (DR.) HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

**MELAKA, 8 Februari 2022** - Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka telah merasmikan Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Melaka. Majlis turut dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Haji Sulaiman bin Md. Ali, Ketua Menteri Melaka dan YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka yang terletak di Mukim Bukit Katil, Daerah Melaka Tengah ini merupakan projek pembinaan yang telah dilaksanakan secara "*Design and Build*" dengan kos keseluruhan sebanyak RM 11,245,317.00 melalui peruntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8).

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican menyatakan bahawa keberadaan Wira Merah kita ini merupakan **satu daripada komponen penting** dalam menzahirkan aspirasi sebuah negara yang berdaya huni. Sebagai salah sebuah **organisasi penyelamatan dan kecemasan utama negara**, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa bersedia dalam menangani sebarang situasi kecemasan **sama ada kebakaran, bencana alam, kemalangan, khidmat khas dan sebagainya**. Mereka sentiasa ada dan bersedia untuk Keluarga Malaysia.

Beliau turut menjelaskan bahawa pembinaan Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka merupakan satu keperluan utama dalam usaha memastikan pentadbiran dan penyelarasan fungsi-fungsi penting Jabatan terutamanya dalam memberikan perkhidmatan kecemasan kepada rakyat di Negeri Melaka dapat dilaksanakan dengan berkesan dan sistematik. Tambah beliau, ibu pejabat baharu JPBM ini turut menjadi pusat koordinasi yang sistematik bagi 11 buah Balai Bomba dan Penyelamat di seluruh Negeri Melaka yang merupakan “*frontliners* Keluarga Malaysia” dalam menangani kes-kes kecemasan.

Kompleks Ibu Pejabat ini mempunyai fasiliti selaras dengan keperluan asas pejabat pentadbiran Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri yang mempunyai komponen seperti Blok Pentadbiran, Blok Logistik, Blok Balai Bomba dan Penyelamat Kategori B, Menara Latihan, Dewan Serbaguna dan Padang Kawad.

Hadir sama dalam majlis ini Yang Berhormat Dato’ Sri Dr. Hj. Ismail bin Hj. Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berbahagia Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Amat Setia Dato’ Sri Ts. Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Yang Setia Penolong Pesuruhjaya Bomba Abu Bakar bin Katin, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Melaka.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Bahagian Pengurusan Korporat

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

07 Februari 2022